

# Muhyiddin tumpu usaha perkasa, luas bidang PKS

B.H 24/03/08 M/S 2

## Faedah dasar perindustrian perlu dinikmati pengusaha tempatan

Oleh Mohd Roji Abdullah

**M**UAR: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, akan memberi tumpuan khusus untuk memperkasa dan memperluaskan skop perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi memastikan faedah daripada dasar perindustrian negara akan dinikmati sepenuhnya pengusaha tempatan.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, tumpuan diberikan kepada sektor itu kerana kini semakin ramai rakyat negara ini terabit dalam PKS seperti pengeluaran pelbagai hasil makanan berasaskan pertanian, pembuatan, pemrosesan mineral dan juga perkhidmatan.

Beliau berkata, PKS khususnya sektor pembuatan dan pengeluaran makanan memberi sumbangan yang besar dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan perhatian sewajarnya perlu dilaksanakan bagi memantapkan lagi kemampuan usahawan tempatan.

"Kita sedang merangka beberapa strategi untuk memantapkan lagi PKS kerana kita mahu faedah daripada dasar perindustrian negara

dirasai pengusaha kita sendiri bukannya pelabur asing," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Perhimpunan Bersama Rakyat dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Jorak, di Dewan Pekembar, di Pagoh, semalam.

Muhyiddin berkata, cabaran getir sedang dihadapi ketika ini ekoran kemerosotan ekonomi beberapa negara maju yang ada hubungan perniagaan dengan Malaysia.

"Kita berusaha mengurangkan kesan daripada kemerosotan ekonomi yang sedang berlaku, sebab itu kita perlu merancang ekonomi dalam negara dan kita kena aktifkannya supaya impak kemerosotan ekonomi negara lain tidak membawa kesan besar kepada kita.

"Antara langkah itu ialah memantapkan PKS dengan melaksanakan beberapa langkah perlu yang akan memastikan hasrat kita itu tercapai," katanya.

Beliau berkata, antara langkah yang difikirkan sesuai untuk memantapkan PKS ialah memudahkan pinjaman, menyediakan kemudahan infrastruktur yang lengkap, memberi insentif, menyediakan kemudahan latihan, membuka peluang promosi,

pemasaran serta penjenamaan.

"Beberapa pakej baru ini inisiatif tambahan yang perlu kita laksanakan supaya PKS menjadi penyumbang utama sektor pembuatan negara," katanya.

Muhyiddin, yang dilantik ke jawatan baru itu Selasa lalu, turut menetapkan matlamat untuk meningkatkan nilai eksport negara dengan berusaha mencari pasaran baru serta memperkenalkan produk berkualiti untuk menembusi pasaran luar negara.

"Tahun lalu, nilai eksport negara mencatat lebih RM3 trilion dan saya nampak banyak potensi baru untuk

kita meningkatkan lagi nilai itu dengan mempelbagaikan pasaran, tidak hanya bergantung kepada pasaran tradisional," katanya.

Selain itu, beliau berkata, usaha berterusan akan dijalankan untuk menjadikan negara ini sebagai destinasi pelaburan utama rantau ini.

"Datuk Seri Rafidah Aziz sudah berjaya meletakkan asas kukuh menarik pelabur dalam tempoh 20 tahun sebelum ini dengan menawarkan pelbagai insentif serta menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur.

"Kini kita harus meneruskannya dengan memberi perhatian kepada usaha menarik pelaburan baru, walaupun dalam situasi dunia yang begitu kompetitif, kerana pesaing kita di rantau ini juga agak ramai seperti China, Vietnam dan India, jadi kita harus mengambil langkah untuk memastikan pelabur terus masuk ke negara kita.

Katanya, pihaknya akan meneliti sektor yang akan memerlukan tumpuan khusus, sama ada sektor petroleum dan gas, perkapalan atau permotoran selain sektor pemrosesan tradisional seperti getah, kelapa sawit dan pengeluaran bahan makanan.

### FAKTA NOMBOR

Perusahaan kecil dan sederhana

130,000

Usahawan Bumiputera

RM3 trilion

Nilai eksport negara